

Sektor ekonomi baru terus dibantu

Kerajaan proaktif salur insentif khusus: TPM

BH - 8/5/2007



Azran Jaffar

di Boston,
Amerika Syarikat

KERAJAAN sentiasa bersedia untuk membantu pertumbuhan sektor ekonomi baru yang mampu memberi impak besar terhadap pembangunan seperti bioteknologi dengan menyalurkan insentif khusus yang bersesuaian.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata kerajaan juga akan proaktif dalam membantu pembangunan sektor berkenaan kerana ia dikenal pasti dapat menyumbang ke arah pewujudan peluang pekerjaan bermutu.

"Bioteknologi bukan hanya alat mewujudkan kekayaan, sebaliknya ia dapat membantu menumbang ke arah mutu hidup lebih baik kerana pelaburannya ialah untuk pemuliharaan alam sekitar, penjimatan tenaga dan pembuatan menerusi proses yang tidak bahaya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis makan malam bersama delegasi Malaysia ke BIO 2007, pelajar dan rakyat Malaysia yang berada di Amerika Syarikat, di sini, kelmarin. Turut hadir, Duta Malaysia ke Amerika, Datin Paduka Dr Rajmah Hussain.

Timbalan Perdana Menteri berka-

ta, Malaysia berada pada landasan yang betul bagi pembangunan dalam bidang bioteknologi tetapi ia tidak boleh bersendirian, malah harus bersama meneroka potensinya dengan pelbagai pihak.

"Kita mahu menjadi sebahagian daripada proses pertukaran bioteknologi global dan sebab itu kita menyertai BIO 2007 bagi melihat bagaimana kita boleh membangunkannya," katanya sambil menjelaskan delegasi Malaysia kali ini ialah yang ketiga terbesar.

Beliau berkata, pelbagai langkah diambil kerajaan, termasuk mewujudkan agensi khusus, menyediakan dasar dan memberikan insentif menarik kepada mereka yang ingin melabur bagi menjadikan Malaysia destinasi bioteknologi menarik.

“Bioteknologi bukan hanya alat wujudkan kekayaan, sebaliknya ia dapat membantu menumbang ke arah mutu hidup lebih baik”

Najib Razak

Timbalan Perdana Menteri

"Saya juga sangat tertarik dalam bidang ini dan dalam pertemuan dengan wakil dua syarikat bioteknologi hari ini (kelmarin), satu daripadanya mengatakan mereka sudah mencapai kepada tahap penyelidikan menghasilkan darah tiruan.

"Impak yang kita dapat adalah kemungkinan kita tidak lagi memerlukan penderma darah dan kajian serta penghasilan sebegini sebenarnya boleh dilakukan di Malaysia dan apa yang saya ingin katakan, kerajaan bertindak proaktif dalam bidang ini," katanya.

Sehubungan itu, beliau mahu mereka yang ingin terbabit dalam bidang bioteknologi supaya membentangkan cadangan kepada jawatan-kuasa yang dibentuk dan kerajaan bersedia memberikan insentif untuk membantu.

Sehubungan itu, Najib mengingatkan pelajar Malaysia yang mengikuti pengajian dalam bidang bioteknologi di Amerika Syarikat supaya menimba pengalaman dan mengambil segala peluang yang ada kerana ia tidak akan datang semula.

"Anda harus menimba kepakaran untuk masuk dalam peluang keayaan bidang ini yang pasti akan menjadi kenyataan tidak lama lagi. Pelajar Malaysia harus menjadi warga global kerana dunia kini saling berkait dan mereka perlu ada keyakinan diri untuk menyesuaikan diri," katanya.